

Headline	Henti operasi 382 pencawang		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	07 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	138,805	Readership	1,048,000
Section	Nasional	Page No	18
ArticleSize	61 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 6,171		



Henti operasi 382 pencawang

Kuala Lumpur: Tenaga Nasional Berhad (TNB) menghentikan operasi lebih 382 pencawang elektrik di Pahang dan Terengganu, semalam berikutan banjir yang melanda kedua-dua negeri itu.

TNB berkata, akibat pemberhentian operasi itu, dianggarkan seramai 19,356 pengguna di kedua-dua negeri terbabit mengalami gangguan bekalan elektrik.

“Di **Pahang**, sebanyak 150 pencawang elektrik dihentikan tugas membabitkan beberapa kawasan iaitu Kuantan (120), Pekan (tiga), Maran (lapan), Jerantut (19) dan sebilangan kecil bekalan elektrik di Lipis, Muadzam dan Temerloh membabitkan 8,949 pengguna,” katanya.

Di **Terengganu** pula, pemberhentian itu meliputi 232 pencawang elektrik merangkumi beberapa kawasan iaitu Geliga (140), Chukai (44), Al Muktafi Billah Shah (tujuh), Cheneh (39) dan Dungun (dua) yang membabitkan 10,407 pengguna.